

Pengasas Crackhouse mengaku tidak salah

KUALA LUMPUR – Pengasas bersama Kelab Komedi Crackhouse mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tiga tuduhan membuat dan memulakan hantaran video jelik yang menyentuh sensitiviti kaum menerusi Facebook, Instagram dan TikTok.

Mohamad Rizal Johan Van Geyzel, 39, selaku Orang Kena Saman (OKS) membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Nor Hasniah Ab. Razak.

Dia didakwa membuat dan memulakan penghantaran komunikasi jelik dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain melalui Facebook, Instagram dan TikTok miliknya menggunakan nama profil 'Rizal van Geyzel' dan rizalvangeysel pada 4, 5 dan 6 Julai lalu.

Ketiga-tiga hantaran itu kemudian dibaca di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman di sini pukul 1.17 tengah hari pada 13 Julai lalu.

Ketiga-tiga pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan dihukum mengikut Seksyen 233(3) akta sama.

Sabit kesalahan, Mohamad Rizal boleh dikenakan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya, Noor Haslinda Che Seman berkata, pihaknya tidak menawarkan jaminan dan kes itu tidak boleh dijamin kerana membabitkan isu serius yang menyentuh sensitiviti perkauman.

Sekiranya mahkamah membenarkan ikat jamin, pihak pendakwa mencadangkan jaminan berjumlah RM30,000 bagi ketiga-pertuduhan tersebut.

Peguam Ramkarpal Singh memohon mahkamah membenarkan OKS diikat jamin sebanyak RM2,000 bagi setiap pertuduhan dan memberitahu anak guamnya menghidap *dyslexia* (masalah pembelajaran membabitkan kesukaran membaca) manakala bapanya pula



KERATAN Kosmo! 16 Julai 2022.



MOHAMAD RIZAL

menghidap kanser.

Mahkamah membenarkan OKS diikat jamin RM12,000 bagi ketiga-tiga pertuduhan berserta syarat tambahan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Lelaki itu juga tidak dibenarkan membuat hantaran berkaitan prosiding kes di media sosial. Sebutan semula kes pada 19 Ogos ini. Mohamad Rizal membayar wang jaminan.

Pada 14 Julai lalu, akhbar melaporkan pengasas bersama sebuah kelab komedi ditahan susulan kes seorang wanita yang didakwa menghina agama Islam dalam satu persembahan komedi di sebuah kelab di Taman Tun Dr. Ismail.